

01 MAR 1997

INSENTIF LEBIH BAIK UNTUK USAHAWAN MALAYSIA DI AFRIKA SELATAN

By: E Sivabalan

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Langkah-langkah sedang dibuat untuk mewujudkan "suasana pelaburan" lebih baik kepada usahawan Malaysia di Afrika Selatan berikutan rungutan mereka mengenai cukai korporat yang terlalu tinggi yang dikenakan oleh Pretoria.

Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan, Maite E.Mohale berkata pegawai-pegawai Malaysia dan negaranya sedang mengadakan rundingan peringkat akhir untuk tujuan itu.

"Kami menjangka rundingan itu akan menghasilkan keputusan positif," katanya kepada Bernama pada satu temuramah di sini menjelang lawatan lima hari Presiden Nelson Mandela mulai Khamis ini.

Mohale berkata kedua-dua pihak telah mencapai beberapa persefahaman tetapi perbincangan masih diteruskan.

Afrika Selatan mengenakan cukai korporat 35 peratus dengan tambahan 15 peratus sekiranya dividen dibayar.

Berikutan dengan rungutan pelabur-pelabur Malaysia itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa perkara itu kepada Mandela semasa lawatannya ke Afrika Selatan pada Ogos 1995.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata bahawa oleh kerana Afrika Selatan sedang bersaing dengan negara-negara lain untuk menarik pelaburan, ia perlu menimbang untuk memberi beberapa insentif. "Di Malaysia, kami memberi pengecualian cukai selama 10 tahun," kata beliau.

Mandela dijangka berbincang mengenai perkara ini dengan Dr Mahathir dalam pertemuan mereka di sini nanti.

Sejak dua tahun lepas pelabur-pelabur Malaysia tertumpu ke Afrika Selatan dengan menyertai sektor-sektor seperti hartanah, tenaga, makanan dan perbankan.

Menurut kajian kumpulan penyelidik, BusinessMap, usahawan Malaysia merupakan kumpulan pelabur keempat terbesar di Afrika Selatan dengan jumlah pelaburan antara mereka sebanyak 1.8 bilion Rand (RM1.2 bilion) dalam tempoh antara April 1994 dan Mei 1996.

Ini tidak termasuk pelaburan terbesar Malaysia di republik itu melalui Petronas setakat ini dengan jumlah 1.9 bilion Rand (kira-kira RM1.3 bilion) untuk mendapatkan ekuiti 30 peratus dalam syarikat minyak Afrika Selatan, Engen.

Mycom Berhad dan Country Heights adalah dua syarikat terbaru yang mengekori jejak langkah syarikat-syarikat utama lain seperti Kumpulan Sime Darby, Malaysian Resources Corporation Berhad, Serting dan Kumpulan SungeiWay melabur di Afrika Selatan.

Ditanya sama ada terdapat rungutan daripada rakyat negaranya mengenai pelabur-pelabur Malaysia, Mohale berkata mereka (peniaga-peniaga Malaysia) mempunyai rekod yang baik di republik itu.

"Malaysia merupakan satu-satunya negara yang melabur jumlah yang banyak pada ketika negara-negara lain masih ragu-ragu untuk berbuat demikian," katanya.

Mohale berkata pelabur-pelabur Malaysia terlibat dalam usahasama yang tulen dan pengalaman dan kepakaran mereka telah membantu memperbaiki taraf hidup rakyat miskin negara itu.

"Pelaburan mereka sungguh menggalakkan dan kami sungguh bangga," katanya.

--BERNAMA

ES WAT

